

21/11/2003

Generasi muda terpikat gaya PM

Mokhtar Alias; Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, menyifatkan penerimaan generasi muda terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai petunjuk perubahan senario politik pada zaman moden ini.

Beliau berkata, generasi muda tertarik dengan pendekatan Abdullah yang lebih menjurus kepada aspek kemanusiaan dan berusaha membanteras gejala rasuah.

"Malah, banyak perkara yang diberi penekanan menepati kehendak rakyat," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara F&N Coca Cola (M) Sdn Bhd dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) di sini, semalam.

F&N Coca Cola diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Ng Jui Sia manakala BAM diwakili Presidennya, Datuk Mohd Nadzmi Salleh.

Menerusi MOU itu, F&N Coca Cola bersetuju menaja RM1.125 juta bagi Sirkuit Badminton Remaja Kebangsaan 100Plus Power untuk tempoh lima tahun.

Mengenai saranan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz agar Perdana Menteri tidak dipanggil Pak Lah, Hishammuddin berkata ia terpulang kepada penerimaan Abdullah sendiri.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Umno, berkata walaupun gelaran itu lebih mesra di kalangan masyarakat sejak dulu lagi, ia perlu disesuaikan dengan keadaan dan tempat.

"Memang saranan Ketua Wanita Umno ini wajar, tetapi apa yang lebih penting bukan jawatan atau nama seseorang pemimpin itu tetapi pengiktirafan yang diberi rakyat.

"Pengiktirafan ini sebenarnya banyak bergantung kepada keupayaan dan kewibawaan seseorang pemimpin menerajui negara khususnya bagi meyakinkan rakyat dan penyokong," katanya.

Sebelum ini, Rafidah meminta rakyat termasuk media memberi pengiktirafan dan penghormatan dengan memanggil Perdana Menteri sebagai Datuk Seri Abdullah seperti bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, penghormatan perlu supaya orang luar, termasuk wartawan asing tidak terikut-ikut memanggil Perdana Menteri dengan panggilan Pak Lah kerana ia seolah-olah memperkecil-kecilkan pemimpin negara ini.

Di SEREMBAN, Pas diminta bermuzakarah dengan rakan parti pembangkang lain seperti DAP dan Keadilan sebelum mereka layak mengajak komponen Barisan Nasional (BN) berbuat demikian.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata jika mereka tidak boleh bersependapat berhubung kaedah pemerintahan menerusi Dokumen Negara Islam yang dicadangkan Pas, bagaimana mereka mampu mengajak pihak lain untuk berdebat.

Beliau berkata mereka masih bercakaran sesama sendiri dalam pelbagai isu, termasuk strategi terbaru Pas menghadapi pilihan raya umum dan perkara ini perlulah diselesaikan terlebih dulu.

"Ini menunjukkan mereka tidak ikhlas untuk memperjuangkan Islam dalam erti kata sebenarnya, sedangkan matlamat sebenar mereka untuk mendapatkan kepentingan politik.

"Dalam dokumen berkenaan, banyak yang dilaksanakan kerajaan BN," kata Hishammuddin selepas majlis berbuka puasa Ehsan Ramadan Pemuda Umno, di Masjid Taman Tuanku Jaafar, Senawang, malam kelmarin.

Majlis berkenaan dihadiri Ketua Pemuda Umno negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Rantau, Abd Ghani Hassan dan naibnya, Jalaluddin Alias.

Menteri Belia dan Sukan itu diminta mengulas percanggahan pendapat di kalangan parti pembangkang yang pernah membentuk pakatan dalam pilihan raya umum lalu berhubung dokumen yang dijaja Pas.

Beliau berkata jika benar Pas membentangkan konsep pemerintahan negara Islam yang sebenarnya, mereka tidak perlu takut dengan pandangan dan bantahan pihak lain.

Ditanya mengenai tindakan penguat kuasa Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) menurunkan bendera BN ketika lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata ia menunjukkan Pas semakin terdesak dan ketandusan isu.

"Pas takut bayang-bayang sendiri, termasuk bayang bendera dan panji kita. Saya melihatnya sebagai suatu penghinaan kepada Perdana Menteri yang juga Perdana Menteri mereka sendiri ketika lawatan rasmi ke Terengganu.

"Dalam suasana pilihan raya memang ada kejadian turun bendera tapi dalam keadaan kita tidak `berperang' sekarang, mereka buat tindakan seperti ini, saya lihat tindakan ini tidak munasabah," katanya.